

12 FEB 1998

Mahathir-MSK

PROJEK MSC AKAN DITERUSKAN MENGIKUT JADUAL, KATA DR MAHATHIR

CYBERJAYA, 12 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata projek Koridor Raya Multimedia (MSC) telah berkembang lebih cepat daripada yang dijangkakan walaupun Malaysia menghadapi masalah kewangan dan ekonomi.

Projek itu tidak perlu ditangguhkan, kata Perdana Menteri.

Beliau berkata projek MSC akan diteruskan mengikut jadual.

"Malahan, kita (projek MSC) adalah setahun ke hadapan," katanya pada persidangan berita bersama dengan anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) mengenai MSC di sini.

Dr Mahathir sebelum itu mempengerusikan mesyuarat IAP MSC kedua di sini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya sama ada projek MSC akan ditangguhkan berikutan krisis kewangan yang melanda Malaysia dan beberapa negara Asia yang lain.

Beliau berkata kegawatan kewangan dan ekonomi itu tidak langsung menjejaskan MSC.

"Jika adapun kesannya, ia adalah untuk mempercepatkan lagi projek itu," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia tidak membelanjakan wang yang terlalu banyak untuk projek itu kerana peruntukan bagi MSC telah dibuat lebih awal lagi.

Beliau berkata sebahagian besar kerja dan peruntukan bagi projek itu telah dilaksanakan.

"Sebahagian besar perbelanjaan sebenarnya disalurkan daripada syarikat-syarikat yang akan melabur dalam MSC. Oleh itu tidak ada sebab kenapa kita perlu menangguhkan projek itu," katanya.

Ketika ditanya seorang wartawan mengenai jumlah syarikat yang telah menangguhkan pelaburan mereka dalam MSC (disebabkan krisis kewangan itu), Dr Mahathir berkata setahunya tidak ada.

"Tidak, setahu saya tidak ada. Awak ada sebarang maklumat mengenainya," beliau bertanyakan wartawan itu.

Mengenai mesyuarat hari ini, Dr Mahathir berkata sebahagian besar peserta IAP menghadirinya yang bermula dengan satu taklimat oleh pengerusi eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia dan setiausaha IAP Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah.

Sejumlah 25 pakar teknologi maklumat menghadiri mesyuarat itu. Mesyuarat IAP yang pertama diadakan di California pada 16 Jan tahun lepas.

Dr Mahathir berkata mereka membincangkan pelbagai perkara berhubung pelaksanaan dan dasar MSC.

"Perbincangan itu sangat berguna bagi kita (Malaysia) dan bagi para peserta kerana mereka akan mengetahui lebih mendalam mengenai apa yang berlaku dalam MSC," katanya.

Mengenai Malaysia, Dr Mahathir berkata mesyuarat itu membolehkan MDC dan kerajaan mempelajari mengenai idea, kekurangan dan syor-syor daripada para peserta yang diperlukan untuk memastikan kejayaan MSC.

Beliau juga berkata terdapat cadangan agar satu kajian terhadap MSC dilakukan bagi faedah negara-negara lain yang berminat untuk melaksanakan projek yang serupa seperti MSC.

Ketika ditanya sama ada para peserta telah melahirkan sebarang kebimbangan mengenai MSC, Dr Mahathir berkata ada sedikit kebimbangan kerana sekatan yang dikenakan oleh Malaysia terhadap jenis tertentu

maklumat yang mungkin menjejaskan pembangunan MSC.

Beliau berkata Malaysia telah memberi jaminan kepada mereka bahawa sekatan itu tidak membabitkan MSC.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah juga memberi jaminan kepada pelabur MSC bahawa kira-kira 7,000 graduan akan dikeluarkan setiap tahun untuk memenuhi keperluan mereka manakala pekerja asing juga dibenar bekerja di sini.

Dr Mahathir berkata mesyuarat IAP yang berikut mungkin diadakan dalam masa satu tahun "tetapi jika perlu, mungkin lebih awal."

"Bagi MSC, kita mendapat faedah sepenuhnya (daripada mesyuarat itu). Oleh itu kita akan mengambil masa yang secukupnya untuk meneliti hasil keputusan mesyuarat itu," katanya.

-- BERNAMA

ES AKD